



مجلس بنداراي قتالينج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/JLD 17 ()

Tarikh: 8 Ogos 2022

JADUAL KAUNTER BERGERAK DAN KAUNTER UTAMA MBPJ BULAN OGOS 2022

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ) akan membuka kaunter bergerak sepanjang bulan OGOS 2022. Inisiatif ini merupakan usaha dan langkah pihak Majlis untuk mengurangkan kesesakan di kaunter ibu pejabat terutamanya pada waktu puncak.

Di samping itu, kaunter bergerak ini juga dapat memberi kemudahan kepada orang awam untuk hadir ke kaunter bergerak yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka tanpa perlu hadir ke kaunter utama Majlis.

Sebagai makluman, antara kawasan-kawasan yang akan dilawati sepanjang bulan OGOS ini adalah seperti berikut:

BIL	TEMPAT	TARIKH	MASA
1	PJU 7/16 Mutiara Damansara (Berhampiran Kedai Tayar Continental)	6.8.2022 (SABTU) 7.8.2022 (AHAD) 8.8.2022 (ISNIN) 9.8.2022 (SELASA)	10.00 PAGI – 2.00 PETANG
2	PJU 10, Damansara Damai (Berhampiran Stesen Minyak Shell Dan Restoran Mcdonald)	13.8.2022 (SABTU) 14.8.2022 (AHAD) 15.8.2022 (ISNIN) 16.8.2022 (SELASA)	10.00 PAGI – 2.00 PETANG
3	FLORA DAMANSARA (Di Bawah Pangsapuri Blok A)	20.8.2022 (SABTU) 21.8.2022 (AHAD) 22.8.2022 (ISNIN) 23.8.2022 (SELASA)	10.00 PAGI – 2.00 PETANG
4	SD 12/1 (Berhampiran Mcdonald Dan Stesyen Minyak Petron)	27.8.2022 (SABTU) 28.8.2022 (AHAD) 29.8.2022 (ISNIN)	10.00 PAGI – 2.00 PETANG
5	SS24 Taman Megah (Berhampiran Pasar)	30.8.2022 (SELASA) 31.8.2022 (RABU)	10.00 PAGI – 2.00 PETANG



Manakala operasi kaunter utama MBPJ sepanjang bulan Ogos 2022 pula adalah seperti berikut:

BIL	KAUNTER	HARI	MASA
1.	Kaunter Menara MBPJ	Isnin - Jumaat Sabtu - Ahad	8.00 pg - 5.00 ptg 9.00 pg - 3.00 ptg
2.	Kaunter Pejabat Cawangan (Kota Damansara)	Isnin - Jumaat Sabtu - Ahad	8.00 pg - 4.00 ptg 9.00 pg - 2.00 ptg
3.	Kaunter Pandu Masuk (Ibu Pejabat MBPJ)	Isnin - Jumaat Sabtu - Ahad	9.00 pg - 4.00 ptg TUTUP
4.	Kaunter Ibu Pejabat MBPJ	DITUTUP SEHINGGA DIMAKLUMKAN KELAK	

Walau bagaimanapun, para pelanggan adalah digalakkan untuk terus melaksanakan urusan secara atas talian. Inisiatif ini merupakan salah satu kemudahan kepada pelanggan untuk berurusan dengan Majlis kerana setiap transaksi yang dilakukan tidak terhad pada waktu pejabat sahaja dan selain ia dapat menjimatkan kos.

Untuk maklumat lanjut, boleh layari laman sesawang www.mbpj.gov.my atau kunjungi laman sosial MBPJ (Facebook: @petalingjayacitycouncil, Twitter& Instagram: @pjcitycouncil).

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil,
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : **Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/JLD 17 ()**

Tarikh: 8 Ogos 2022

KEMPEN BAYARAN CUKAI TAKSIRAN DI SRI DAMANSARA (PJU 9)

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengadakan kempen bayaran Cukai Taksiran di kawasan PJU 9, Sri Damansara pada 27–28 Ogos 2022 (Sabtu-Ahad). Sepanjang tempoh 2 hari kempen ini diadakan, Majlis menawarkan khidmat nasihat serta rundingan mengenai kaedah pembayaran tunggakan Cukai Taksiran. Selain itu, orang awam juga boleh membuat semakan bil cukai taksiran dan membuat pertukaran nama serta alamat surat menyurat pemilik harta di kaunter-kaunter yang disediakan.

Untuk makluman, bersempena kempen bayaran Cukai Taksiran ini, Majlis akan membuka kaunter bayaran di Jalan SD12/1 Sri Damansara (Hadapan Mc'Donalds) bermula pada pukul 9.30 pagi – 2.00 petang selama 2 hari.

Mengikut rekod, jumlah tunggakan Cukai Taksiran keseluruhan di kawasan Sri Damansara adalah berjumlah **RM3,233,925.14** melibatkan **5870** pegangan. Daripada jumlah ini, **RM95,908.60** adalah merupakan tunggakan bagi kediaman **kos rendah** manakala baki **RM3,138,016.54** adalah tunggakan bagi pegangan **selain kos rendah**.

Bersempena dengan Kempen Bayaran Cukai Taksiran ini juga, Majlis turut menyediakan cenderahati bagi memberi insentif dan galakan kepada pembayar cukai untuk menjelaskan tunggakan mereka.

Majlis ingin mengingatkan kepada semua pemegang/pemilik harta di Petaling Jaya supaya membuat pembayaran cukai taksiran pada atau sebelum 31 Ogos ini untuk mengelak sebarang bayaran tambahan atau dikenakan denda.



Pemilik harta digalakkan untuk membuat pembayaran cukai taksiran secara dalam talian melalui **epay@mbpj.gov.my** atau menggunakan aplikasi **ecukai@mbpj** yang boleh dimuat turun melalui **Google Play Store dan Apple Store**.

Untuk maklumat lanjut, layari laman sesawang **www.mbpj.gov.my** atau kunjungi laman sosial MBPJ (**Facebook: @petalingjayacitycouncil**, **Twitter& Instagram: @pjcitycouncil**) atau hubungi Jabatan Perbendaharaan MBPJ, Aras bawah, Ibu Pejabat MBPJ, Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor di talian 03 7956 3544 sambungan 108/109.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : **Ruj. Kami : MBPJ/090100/T/A6/JLD 17 ()**

Tarikh : 8 OGOS 2022

PROGRAM SPRING CLEANING SEMPENA HARI KEBANGSAAN

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan menganjurkan program Spring Cleaning sempena Hari Kebangsaan pada setiap hari Sabtu dan Ahad bermula 22 Ogos 2020 hingga 13 September 2020. Kempen yang dianjurkan ini mendapat kerjasama daripada The CAREton Project iaitu usahasama diantara pihak Nestle Malaysia (Milo) dan Tetrapak Malaysia yang menjalankan kempen kitar semula bekas kotak minuman.

Untuk makluman, program spring cleaning kali ini turut menerima bahan buangan bekas kotak minuman selain barangan perabot dan elektronik. Sehubungan itu, Orang awam diminta untuk meletakkan barangan yang hendak dikitar semula di hadapan rumah sebelum pukul 10.00 pagi (kutipan tidak akan dilakukan sekiranya lewat).

Berikut adalah senarai lokasi terpilih sempena program Spring Cleaning:

TARIKH	TEMPAT	PEGAWAI BERTUGAS	NO TELEFON
20 Ogos 2022	Bukit Mayang Emas	En Ashraf	017-6013963
	Aman Suria PJU 1/46	En Amirul	019-7755641
	Sri Damansara 11	En Safwan	018-9184453
	SS3	En Amirul	019-7755641
21 Ogos 2022	Seksyen 8 Kota Damansar	En Faizal	012-6776494
	Seksyen 9, 10	En Ajmal	012-9595692
	SS7	En Amirul	019-7755641
27 Ogos 2022	Seksyen 20, 21, 22	En Akmal	011-14241336
	Seksyen 5	En Wan Akmal	017-3158801
	SS21	En Raimi	011-37762497
28 Ogos 2022	Seksyen 11, 12	En Akmal	011-14241336
	Seksyen 3	En Wan Akmal	017-3158801

	SS 22/22A	En Raimi	011-37762497
	SS1	Pn Premila	016-3236242
3 September 2022	SS25	En Raimi	011-37762497
	PJU 7	En Kamarudin	013-6022410
	SS4, 4A, 4B, 4C, 4D	Pn Premila	016-3236242
4 September 2022	Sek 17 dan 19	En Akmal	011-14241336
	PJS 1 & 3	En Redzuan	013-2057301
	SS5, 5A, 5B, 5C, 5D	Pn Premila	016-3236242
10 September 2022	PJS 2 & 4	En Redzuan	013-2057301
	SS9	Pn Premila	016-3236242
	SS26	En Raimi	011-37762497
11 September 2022	PJS 6 & 10	En Redzuan	013-2057301
	SS 9A	Pn Premila	016-3236242

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut orang ramai boleh hubungi Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MBPJ di talian 03-7954 1440.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil,
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليغ جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : **Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/JLD 17 ()**

Tarikh: 11 Ogos 2022

PUSAT SEMBELIHAN AYAM DI ARAH TUTUP

Sebuah pusat penyembelihan ayam tanpa lesen di Seksyen 3, Petaling Jaya, telah diarahkan tutup, kerana melanggar peraturan pengendalian makanan/ tidak mematuhi garis panduan pusat penyembelihan ayam.

Antara kesalahan dilakukan adalah kegagalan untuk mempamerkan sijil suntikan typhoid (TY2) selain premis berkenaan beroperasi dalam keadaan kotor, tidak mempunyai lesen perniagaan yang sah dan tidak mematuhi sistem pembuangan sisa kumbahan.

Dalam operasi pukul 3 pagi itu, Unit Penguatkuasaan Persekitaran (UPK), Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Persekitaran MBPJ telah mengeluarkan notis penutupan premis serta-merta kerana beroperasi tanpa lesen yang sah dan melanggar peraturan pengendalian makanan di bawah Undang-undang Kecil Perlesenan Establisymen Makanan (MBPJ) 2007 denda maksimum RM1,000.

Operasi pusat penyembelihan itu diketahui selepas penduduk yang tinggal di kawasan berhampiran membuat aduan berikutan bau busuk yang datang dari arah longkang berdekatan. Tindakan penguatkuasaan telah dikeluarkan dikeluarkan

Operasi ini adalah sebahagian tindakan penguatkuasaan berterusan MBPJ terhadap premis makanan bagi memastikan keselamatan dan kesihatan orang awam terpelihara. MBPJ akan sentiasa meneruskan pemantauan seperti ini bagi memastikan tiada penyakit bawaan air dan keracunan makanan berlaku.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتالينج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami : MBPJ/090100/T/A6/JLD 16 ()

Tarikh : 14 OGOS 2022

KEJOHANAN TENIS ASIA 14 TAHUN KE BAWAH (GRADE A) GENTING - SELANGOR 2022

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Persatuan Tennis Selangor (STA) akan menganjurkan Kejohanan Tennis Remaja Terbuka Antarabangsa Genting - Selangor 2019 pada 20 hingga 27 Ogos 2022.

Kejohanan ini telah menerima penyertaan seramai 106 pemain dari dalam dan luar negara. Selain Malaysia, negara-negara lain yang turut serta di kejohanan ini ialah Filipina, Singapura, Vietnam, Indonesia, Uzbekistan, Kazakhstan, India, Sri Lanka, Jepun, Maldives, Hong Kong, Korea, Jordan, Nepal dan Pakistan. Kejohanan ini akan diadakan di Kompleks Sukan MBPJ (Kelana Jaya), Petaling Jaya. Di kejohanan ini, sebanyak 4 acara akan dipertandingkan iaitu perseorangan lelaki, perseorangan perempuan, beregu lelaki, dan beregu perempuan 14 tahun ke bawah.

Hasil daripada kerjasama dengan Persatuan Tennis Selangor, MBPJ telah berjaya mencungkil ramai bakat-bakat baru khususnya dari akar umbi di dalam program pembangunan sukan tennis remaja MBPJ yang telah dilaksanakan semenjak tahun 1990. Penglibatan peserta dari luar negara akan meningkatkan lagi skil dan mutu permainan peserta tempatan di samping menambah pengalaman dalam menyertai kejohanan peringkat antarabangsa. Penaja utama kejohanan ini ialah **Genting Malaysia Berhad**. Penyertaan pemain Selangor:

Pemain Lelaki

- i) Devesh Sarawanan – Ranked 73
- ii) Ryan Tan Ei Jey – Ranked 258
- iii) Amarr Shan Shanmugamurthy
- iv) Jon Caleb Valentino
- v) Lucas Alexander Lim
- vi) Ian Chew Ye-Haur

Pemain Perempuan

- i) Lynn Lim – Ranked 251
- ii) Zooey Mak
- iii) Dhevieena Sarawanan
- iv) Shir-Ree Fong

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media

Unit Komunikasi Korporat

Majlis Bandaraya Petaling Jaya



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : **Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/JLD 17 ()**

Tarikh: 19 Ogos 2022

MBPJ ANJUR PROGRAM SEMARAK JALUR GEMILANG 2022

Bersempena dengan sambutan hari kebangsaan tahun ini, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menganjurkan Majlis Semarak Jalur Gemilang MBPJ 2022 bertempat di perkarangan ibu Pejabat MBPJ, Petaling Jaya.

Sambutan hari kebangsaan peringkat Negeri Selangor tahun ini bertemakan #Kita Selangor, Teguh Bersama membawa maksud kebersamaan dan keberanian rakyat negeri selangor di pelbagai peringkat dalam menghadapi cabaran dan tribulasi yang melanda negeri selangor khususnya dan malaysia secara amnya.

Inilah yang dizahirkan oleh warna merah dalam jalur gemilang yang menjadi simbol kepada keberanian dan gagah perkasa. Jalur gemilang seharusnya menjadi pendorong buat kita memiliki keberanian untuk berdepan dengan pelbagai cabaran termasuk sebarang ancaman yang boleh menggugat kedaulatan negara.

Warna kuning melambangkan institusi raja-raja melayu. generasi pasca kemerdekaan perlu mempertahankan institusi raja berperlembagaan. Institusi raja-raja melayu adalah lambang perpaduan rakyat malaysia.

Perpaduan rakyat yang dicerminkan oleh warna biru dalam jalur gemilang adalah keutamaan bagi kita untuk terus memelihara keamanan negara. Perpaduan ini perlu terus diperkukuhkan dan kita harus merangkul kerencaman ini sebagai aset berharga buat negara dengan ikhtiyar berterusan untuk membina kesatuan rakyat, *unity in diversity*.

Sambutan pada tahun ini diserikan dengan pengisian pelbagai program antaranya hari ini penyampaian jalur gemilang kepada rakan-rakan strategik mbpj dan peletakan jalur

gemilang di kenderaan majlis serta agensi luar sebagai tanda simbolik menyuburkan semangat patriotik dan cintakan negara.

Keistimewaan bulan kebangsaan ini ialah kita dapat saksikan penyertaan dan penglibatan seluruh stakeholders di Petaling Jaya mengibarkan jalur gemilang di merata-rata tempat seperti di kawasan perumahan, kediaman, pejabat, sekolah, pasar, bank, klinik dan hospital, hotel, pusat komersial dan banyak lagi.

Program hari ini turut dipadatkan dengan upacara perasmian sembang@pj art lane yang terletak di dataran boulevard, seksyen 52. Kawasan ini akan dirancakkan dengan aktiviti perniagaan food truck yang menyajikan pelbagai jenis makanan viral yang terdapat di petaling jaya. Disamping itu, aktiviti-aktiviti seperti persembahan busker, permainan untuk kanak-kanak dan lokasi bergambar (mural) atau pj art lane mampu menjadikan lokasi sembang@pj art lane ini antara destinasi menarik yang harus dilawati seisi keluarga.



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/JLD 17 ()

Tarikh: 25 Ogos 2022

MBPJ INGATKAN PEMILIK HARTA JELASKAN CUKAI SEBELUM 31 OGOS 2022

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengingatkan semua pemunya harta di daerah itu membuat pembayaran cukai taksiran pada atau sebelum 31 Ogos ini, bagi mengelak sebarang bayaran tambahan atau dikenakan denda.

Bagi memudahkan pemunya harta menjelaskan bayaran cukai taksiran, MBPJ akan membuka kaunter utama MBPJ serta kaunter bergerak di kawasan-kawasan yang berhampiran sepanjang bulan Ogos 2022 seperti ketetapan berikut:-

Operasi kaunter utama MBPJ sepanjang bulan Ogos 2022.

BIL	KAUNTER	HARI	MASA
1.	Kaunter Menara MBPJ	Isnin - Jumaat Sabtu - Ahad	8.00 pg - 5.00 ptg 9.00 pg - 3.00 ptg
2.	Kaunter Pejabat Cawangan (Kota Damansara)	Isnin - Jumaat Sabtu - Ahad	8.00 pg - 4.00 ptg 9.00 pg - 2.00 ptg
3.	Kaunter Pandu Masuk (Ibu Pejabat MBPJ)	Isnin - Jumaat Sabtu - Ahad	9.00 pg - 4.00 ptg TUTUP
4.	Kaunter Ibu Pejabat MBPJ	DITUTUP SEHINGGA DIMAKLUMKAN KELAK	

Operasi kaunter bergerak bulan OGOS 2022.

BIL	TEMPAT	TARIKH	MASA
1.	FLORA DAMANSARA (Di Bawah Pangsapuri Blok A)	22.8.2022 (ISNIN) 23.8.2022 (SELASA)	10.00 PAGI – 2.00 PETANG
2.	SD 12/1 (Berhampiran Mcdonald Dan Stesyen Minyak)	27.8.2022 (SABTU) 28.8.2022 (AHAD) 29.8.2022 (ISNIN)	10.00 PAGI – 2.00 PETANG

	Petron)		
3.	SS24 Taman Megah (Berhampiran Pasar)	30.8.2022 (SELASA) 31.8.2022 (RABU)	10.00 PAGI – 2.00 PETANG

Pemunya harta juga digalakkan membuat pembayaran cukai taksiran secara dalam talian melalui epay@mbpj.gov.my atau menggunakan aplikasi ecukai@mbpj yang boleh dimuat turun melalui Google Play Store dan Apple Store.

Untuk maklumat lanjut, layari laman sesawang www.mbpj.gov.my atau kunjungi laman sosial MBPJ (Facebook: @petalingjayacitycouncil, Twitter& Instagram: @pjcitycouncil atau hubungi Jabatan Perbendaharaan MBPJ, Aras bawah, Ibu Pejabat MBPJ, Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor di talian 03 7956 3544 sambungan. 108/109.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami : MBPJ/090100/T/A6/JLD 17 ()

Tarikh : 28 OGOS 2022

PROGRAM MESRA RAKYAT DUN SERI SETIA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dengan kerjasama DUN Seri Setia telah mengadakan Program Mesra Rakyat MBPJ DUN Seri Setia.

Program ini merupakan saranan Kerajaan Negeri untuk menjalinkan kerjasama dan hubungan dua hala di antara pemimpin masyarakat, agensi berkaitan dan penduduk setempat dengan pihak MBPJ.

Program ini dirasmikan oleh YBrs. Tuan Aznan bin Hj. Hassan, Timbalan Setiausaha (Pengurusan) MBPJ dan turut dimeriahkan dengan kehadiran ADUN Seri Setia, Ahli-Ahli Majlis MBPJ dan barisan Pengurusan Tertinggi MBPJ. Ia juga merupakan salah satu tanggungjawab dan sumbangan khidmat sosial pihak Majlis kepada komuniti setempat. Terdapat pelbagai program yang dianjurkan oleh MBPJ.

Penyampaian Penghargaan Komuniti Prihatin telah disampaikan kepada 15 orang penduduk Zon 4, 21, 22, 23 dan 24. Penerima merupakan penduduk yang aktif menjalankan aktiviti sukarelawan dan khidmat masyarakat. Penerima juga merupakan 'jambatan' memudahkan Ahli Majlis di setiap zon dan Pengurusan Tertinggi MBPJ apabila kepekaan mereka dalam memastikan keluarga asnaf, miskin, golongan B40 dan OKU mendapat kemudahan MBPJ. Penerima berperanan sebagai *role model* kepada penduduk yang lain dengan menampilkan nilai-nilai murni seperti menjaga kebersihan kawasan perumahan. Penerima turut membantu melancarkan aktiviti kebajikan dan kesihatan rukun tetangga dilaksanakan dengan baik dan lancar.

Sumbangan Penghargaan kepada veteran dan sukarelawan tajaan Team Selangor dan DUN Seri Setia telah disampaikan kepada 20 orang penerima. Sumbangan ini adalah tanda ingatan dan penghargaan kepada para pejuang negara seperti polis, tentera, *frontliners* dan para sukarelawan yang tinggal di kawasan Zon 4,21,22,23, dan 24.



Sumbangan berbentuk bakul makanan kering bernilai RM50 - RM100 yang diberikan mungkin tidak setanding dengan jasa bakti para pejuang negara, namun ia merupakan tanda penghargaan dan terima kasih terhadap jasa bakti yang telah ditaburkan.

Pelbagai aktiviti telah diadakan bagi memeriahkan acara program antaranya persembahan silat, pameran, sukan bola jaring, futsal, aktiviti mewarna, mencanting batik, demonstrasi pembuatan sabun basuh pinggan, sukaneka dan cabutan bertuah.

Pihak MBPJ berharap agar perpaduan dan penglibatan semua pihak dapat diteruskan pada masa-masa akan datang.

Untuk terus berinteraksi, orang ramai amat digalakkan bersama MBPJ di laman sesawang rasmi MBPJ www.mbpj.gov.my dan juga di media sosial rasmi MBPJ iaitu Facebook; (Majlis Bandaraya Petaling Jaya), Instagram dan twitter; (@[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)).

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media

Unit Komunikasi Korporat

Majlis Bandaraya Petaling Jaya





مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/JLD 17 ()

Tarikh: 29 Ogos 2022

MAKLUM BALAS PEMBUANGAN SAMPAH HARAM DI EXIT 224 LEBUHRAYA PERSEKUTUAN

Kawasan pembuangan sampah haram di Exit 224 Lebuhraya Persekutuan (Federal Highway) merupakan kawasan di bawah penyelenggaraan dan seliaan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia.

Aduan masalah pembuangan sampah haram di kawasan tersebut telah diambil maklum oleh pihak Majlis dan telah mengajukannya kepada pihak JKR untuk tindakan selanjutnya. Mesyuarat bersama di antara pihak Majlis dan pihak JKR telah diadakan bagi membincangkan isu masalah semak samun dan pembuangan sisa dan sampah haram di kawasan tersebut.

Melalui pemantauan dan pemeriksaan yang telah dijalankan, masalah pembuangan sampah dikawasan tersebut adalah berpunca oleh pencerobohan dan membina binaan kediaman diatas tanah yang menjadikan ianya sebagai tempat untuk berniaga dan tempat tinggal.

Sehubungan itu, masalah aduan ini akan diambil tindakan oleh pihak JKR dan pihak Majlis juga telah dimaklumkan bahawa pihak Pejabat Tanah Daerah (PTD) Petaling yang telah mengeluarkan notis kesalahan pendudukan secara tidak sah bertarikh 5 Ogos 2022.

Pihak Majlis sedia memberikan bantuan dan bekerjasama kepada pihak PTD atau JKR sekiranya ada permohonan daripada kedua-dua agensi tersebut seperti penyediaan kemudahan dan penyelenggaraan.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695





مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : **Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/JLD 17 ()**

Tarikh: 29 Ogos 2022

MBPJ LANJUT TEMPOH PERMOHONAN SKIM REBAT CUKAI TAKSIRAN BAGI PEMILIK RUMAH MESRA ALAM HIJAU BERKARBON RENDAH PETALING JAYA TAHUN 2022.

Adalah dimaklumkan bahawa Skim Rebat Cukai Taksiran Kepada Pemilik Rumah Mesra Alam Petaling Jaya yang telah dilancarkan pada 3 Jun 2022 akan dilanjutkan tempoh permohonan sehingga **30 September 2022**.

Permohonan bagi skim ini boleh dibuat melalui Aplikasi MBPJ E-Rebat yang boleh di muat turun di Google Store atau Apple Store atau melalui Borang Permohonan yang boleh di dapati di laman sesawang MBPJ www.mbpj.gov.my.

Skim ini bertujuan untuk mempromosikan gaya hidup penduduk yang mesra alam hijau ke arah menjadikan Petaling Jaya sebuah Bandaraya Hijau Berkarbon Rendah. Rebat cukai taksiran ditawarkan kepada pemilik rumah yang telah mengambil inisiatif menjadikan bangunan kediaman mereka mesra alam hijau dari segi aspek tenaga, air, kepelbagaian biologi, pengurusan sisa buangan dan pengangkutan. Rebat yang ditawarkan adalah maksima 100% cukai taksiran tahunan ataupun RM 500 mana yang lebih rendah.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Sekretariat Pasukan Petugas Low Carbon Green City of Petaling Jaya, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Tingkat 20, Menara MBPJ Jalan Tengah, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan ditalian 03-7954 1440 Faks 03-7954 1579 atau melalui emel skimrebatmbpj2020@gmail.com, laman web www.mbpj.gov.my.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695